

500 duri landak terpacak pada muka anjing

Harian
Metro
8/8/12

NORMAN: Bella Mae, anjing bulldog berusia tiga tahun dari Oklahoma, mempelajari sesuatu yang mungkin tidak akan dilupakannya selepas diserang seekor landak hingga menyebabkan 500 duri landak melekat pada mukanya.

Doktor veterinar di Norman menjalankan pembedahan untuk membuang duri berkenaan dari muka dan kaki anjing itu.

Mereka percaya sebahagian duri berkenaan masih berada di dalam tubuh Bella Mae meskipun anjing itu kini pulih daripada serangan itu.


Jerry dan isteri, Allison Noles memberitahu stesen televisyen KWTW bahawa

anjing itu bermain dengan haiwan peliharaan mereka yang lain berhampiran kolam keluarga itu apabila mereka berdepan dengan seekor landak.

Keluarga itu percaya landak terbabit berada di kolam mereka untuk meminum air yang kini sukar didapati di Oklahoma.

Pasangan itu yakin Bella Mae berada terlalu rapat dan mencetuskan kemarahan landak berkenaan, menyebabkan ia melancarkan serangan.

Doktor veterinar di Pusat Kesemasan Untuk Haiwan, Leonardo Baez memberitahu KWTW, dia belum pernah melihat serangan landak sebegitu teruk ke atas haiwan peliharaan. - DM



Animal Emergency Center

MUJUR tidak ada duri yang terkena matanya.



DOKTOR yakin masih ada duri dalam badan Bella Mae.



© Animal Emergency Center

DOKTOR menjalankan pembedahan mencabut duri daripada muka, leher, kaki dan dada Bella Mae.